

| | | | |
|---------------|---------------|------------|----------|
| AKHBAR | BERITA HARIAN | MUKA SURAT | 23 |
| HARI & TARIKH | 11/01/16 | RUANGAN | NASIONAL |
| DISEMAK OLEH | | | |

-BH- NASIONAL, PG-23, 11/1/16

Pasport gantian anak Zahnita ikut prosedur

» *Permohonan dibuat berdasar laporan bapa, dokumen hilang*

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

► Putrajaya

Jabatan Imigresen mengesahkan pasport gantian dua anak model dan bekas pelakon, Zahnita Wilson, dikeluarkan mengikut prosedur dan lengkap dengan semua dokumen diperlukan.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafa Ibrahim, berkata permohonan pasport gantian untuk Zahrafeena, 9,

dan Zasharayna, 3, dibuat oleh bapa mereka, Abd Zackery Ghouse Abd Ghafoor.

Katanya, Jabatan Imigresen mengeluarkan dua pasport gantian itu berdasarkan laporan Abd Zackery berserta laporan polis pada 17 November lalu di Balai Polis Bukit Jelutong mengenai kehilangan kedua-dua pasport asal anaknya.

Hilang ketika pindah

“Beliau mendakwa pasport berkenaan hilang ketika berpindah rumah dan turut mengemukakan semua dokumen berkaitan dengan lengkap apabila membuat permohonan Pasport Malaysia Antarabangsa.

“Selepas pasport baharu dikeluarkan, pasport lama sudah dibatalkan dalam sistem

dan tidak boleh digunakan lagi,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Mempersoal tindakan

Kelmarin, Zahnita, dalam sidang media bersama wakil Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) di Kuala Lumpur, mempersoalkan bagaimana Jabatan Imigresen boleh mengeluarkan pasport baharu kepada dua anaknya sedangkan pasport mereka yang disimpannya masih sah sehingga Mei 2019.

Zahnita mendakwa permohonan pasport baharu berkenaan dilakukan suaminya, Abd Zackery, untuk membawa mereka bercuti ke Phuket, Thailand, bulan lalu.

Dia dan suaminya sedang dalam proses perceraian.



“**Beliau mendakwa pasport berkenaan hilang ketika berpindah rumah dan turut mengemukakan semua dokumen berkaitan dengan lengkap apabila membuat permohonan Pasport Malaysia Antarabangsa”**

Mustafa Ibrahim,
Ketua Pengarah Imigresen